



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## **SIARAN MEDIA**

### **Rangkaian Aduan Komuniti Awam Nasional (RAKAN) Saluran Aduan Digital Berkaitan Isu-isu Perpaduan**

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) memperkenalkan Rangkaian Aduan Komuniti Awam Nasional (RAKAN) bagi **memudahkan orang awam menyalurkan aduan secara digital berkaitan isu-isu perpaduan.**

RAKAN dapat **memperkuat pengurusan maklumat** dan respons terhadap aduan komuniti serta meningkatkan **kecekapan sistem pemantauan keselamatan dan keharmonian di peringkat akar umbi.**

Platform RAKAN menawarkan kelebihan unik berbanding saluran aduan lain melalui proses digital yang mesra pengguna, respons masa nyata serta perlindungan identiti pengadu. Ciri-ciri ini menjadikan RAKAN lebih **inklusif, selamat dan berkesan** dalam **menyalurkan aduan serta mendapatkan maklum balas secara terus daripada pihak berkuasa berkaitan.**

YB Datuk Aaron Ago Dagang dalam ucapannya berkata, “RAKAN merupakan satu inisiatif bagi **mendekatkan rakyat kepada kerajaan dalam memperkasa komuniti terhadap usaha menjaga keharmonian nasional.** Inisiatif ini mampu **membudayakan tanggungjawab sosial dalam kalangan rakyat terhadap isu-isu sensitif yang boleh mengugat perpaduan”.**

Menerusi **Dashboard Orang Awam**, pengguna turut boleh **mengakses statistik aduan mengikut negeri dan kategori, tertakluk kepada tahap akses yang ditetapkan.** Ini membolehkan tindakan komuniti dilaksanakan secara lebih terarah dan berpandukan data semasa, sekali gus memperkuat usaha kolektif dalam menyelesaikan isu-isu setempat

secara berkesan.

Selain itu, KPN sedang meneroka pelbagai strategi baharu untuk memperkuuh perpaduan melalui teknologi digital termasuk penyediaan permohonan atas talian bagi penubuhan Kawasan Rukun Tetangga (KRT), pemerkasaan mekanisme pelaporan dan pemantauan isu perpaduan secara sistematik dan pembangunan analitik data komuniti secara berpusat untuk membuat intervensi bersasar.

Bertemakan **Menjulang Perpaduan, Memperkasa Keselamatan**, sesi *townhall* Keselamatan dan Perpaduan Tahun 2025 dihadiri oleh kira-kira **500 orang wakil daripada pelbagai agensi Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), pemimpin, tokoh masyarakat, Mediator Komuniti serta seluruh jentera perpaduan** yang merungkai cabaran semasa perpaduan nasional serta mengukuhkan pendekatan menyeluruh dalam menangani isu-isu keselamatan komuniti, khususnya berkaitan sensitiviti kaum, agama dan institusi diraja (3R).

**Kementerian Perpaduan Negara**

19 Jun 2025

KPN.100-9/1/16 (43)